



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**NOTA PERCAKAPAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KAMPUNG BATU PAPAN, GUA MUSANG SEBAGAI KAMPUNG
ANGKAT MADANI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

1. Program Kampung Angkat MADANI yang julung-julung kalinya di perkenalkan oleh Kerajaan ini merupakan cetusan idea daripada YAB Perdana Menteri yang ingin **memastikan kemudahan asas yang diperlukan di kawasan kampung disediakan dan dipertingkatkan** seperti kemudahan jalan raya, bekalan air bersih, sistem telekomunikasi, bekalan elektrik luar bandar dan lain-lain keperluan dan kemudahan yang memberi faedah kepada masyarakat sekitar.
2. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melaksanakan Program Kampung Angkat MADANI di **Kampung Batu Papan, Gua Musang**, Kelantan dengan peruntukan sebanyak **RM2.5 juta** pada tahun 2024.
3. Pemilihan kampung ini adalah bertepatan dengan kriteria yang digariskan oleh Kerajaan iaitu **kampung yang mempunyai liputan kemudahan bawah 50 peratus** atau mempunyai kemudahan asas daif dan tidak lengkap serta memerlukan perhatian khusus.
4. **Sebanyak 18 kerja-kerja fizikal dikenal pasti dan dilaksanakan** yang melibatkan kerja-kerja pemasangan lampu solar, pembaikan dewan dan tabika, pembaikan ruang riadah dan sukan serta naik taraf infrastruktur rekreatif dan sosial.

5. Kementerian Perpaduan Negara mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan strategik seperti **Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM, Pejabat Jajahan Gua Musang, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Batu Papan** dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program Kampung Angkat MADANI.

MAKLUMAT KAMPUNG

1. Kampung : Kampung Batu Papan, Gua Musang, Kelantan
2. Profil Penduduk : Melayu : 1014 (98%)
Cina : 16 (2%)
3. Pekerjaan : 50% - bekerja sendiri
50% - swasta, kerajaan, pesara, pelajar
4. Kriteria Kampung : Kampung yang mempunyai liputan kemudahan bawah 50 peratus atau mempunyai kemudahan asas daif dan tidak lengkap serta memerlukan perhatian khusus.
5. Bajet : RM2.5 juta untuk tahun 2024
6. Skop Kerja : **Low cost, high impact** : Yang dapat memberi faedah segera kepada masyarakat
 - Fizikal : 17 Projek Fizikal (Pembaikan/Naiktaraf/Ubahsuai) antaranya:
 - (i) Kemudahan Asas (*Dewan Terbuka*)
 - (ii) Pendidikan (*Tabika*)
 - (iii) Keselamatan dan Ketenteraman Awam (*Pondok SRS dan Bangunan KRT*)
 - (iv) Sosio-Ekonomi (*Keceriaan Gua Madu dan Kolam Ternakan Ikan Air Tawar*)
 - (v) Fasiliti riadah, sukan dan rekreasi (*Kompleks Futsal, Padang Bola, Taman Permainan Kanak-Kanak*)
 - Non-Fizikal : (i) Program keceriaan dan kebersihan Kampung Angkat MADANI (Gotong Royong dan Kenduri Rakyat)